

**JKA 416 – Keetnikan dan Ras**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab TIGA soalan sahaja

Soalan Pertama WAJIB dijawab dan pilih dua soalan lain.

Baca soalan dengan teliti sebelum anda menjawab.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

...2/-

Jawab soalan 1 dan DUA soalan lain.

1. (a) Huraikan maksud dan perkaitan di antara ras dan etnik seperti yang dihuraikan mengikut perspektif sosiologi  
  
(b) Dengan menyebutkan konsep-konsep lain yang biasa digunakan di Malaysia huraikan keselarian atau ketidaxselarian makna konsep-konsep tempatan ini dengan konsep-konsep ras dan etnik. Konsep manakah yang sesuai digunakan untuk menghuraikan keadaan di Malaysia.  

(100 markah)
2. Berdasarkan pengertian konsep kelas sosial yang diutarakan oleh Karl Marx, huraikan persamaan, perbezaan dan perkaitan di antara kelas dan keetnikan.  

(100 markah)
3. Dengan menggunakan contoh-contoh, huraikan klasifikasi masyarakat dan situasi hubungan etnik yang berbeza yang telah muncul dalam masyarakat berbilang etnik. Dalam kategori manakah masyarakat Malaysia sesuai dimasukkan dan kenapa?  

(100 markah)
4. Mengapakah pengelompokan manusia berdasarkan ras disebut sebagai tidak saintifik. Huraikan bagaimana pemikiran tentang kewujudan ras telah mempengaruhi hubungan antara kumpulan manusia yang berbeza sifat luaran.  

(100 markah)
5. Bincangkan perkaitan di antara kebangkitan fenomena keetnikan dengan pembentukan negara moden dan nasionalisme.  

(100 markah)
6. Nasionalisme tidak semestinya berasaskan faktor keetnikan. Dengan mengemukakan contoh, bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada pelbagai bentuk nasionalisme yang mungkin muncul dan apakah bentuk nasionalisme yang lebih ketara di Malaysia?  

(100 markah)

- oooOooo -